

Permohonan dibuka sehingga 8 Mei, keutamaan diberi kepada mahram

# TH terima lebih 80,000 rayuan haji

Oleh AMREE AHMAD

**SEPANG** – Lembaga Tabung Haji (TH) menerima lebih 80,000 permohonan rayuan untuk mengerjakan haji bagi musim 1445/2024 setakat ini, kata Pengarah Eksekutif Haji TH, Datuk Seri Syed Saleh Syed Abdul Rahman.

Menurutnya, tarikh akhir permohonan rayuan adalah pada 8 Mei ini.

Sehubungan itu, katanya, individu yang ingin menunaikan ibadah haji masih boleh membuat rayuan kepada TH.

“Proses rayuan kali ini dibuka pada 26 Januari lalu dan setakat ini dianggarkan lebih 80,000 orang telah menyerahkan permohonan mereka.

“Pihak TH akan memberi keutamaan kepada rayuan dalam kalangan mahram yang mahu mengiringi pasangan mereka.

“Bagaimanapun, masih lagi bergantung kepada kekosongan tempat jika ada jemaah sedia ada yang tiba-tiba menolak atas pelbagai faktor seperti kemalangan atau sakit,” katanya selepas menyantuni 150 petugas haji kumpulan kedua di Pusat Konvensyen Movenpick TH Sepang, semalam.

Mereka merupakan sebahagian daripada lebih 600 petugas



**SYED SALEH (berdiri, enam dari kiri) bergambar bersama wakil media ketika Majlis Pelepasan Petugas Haji di Pusat Konvensyen Movenpick TH, Sepang semalam.**

di Tanah Suci dengan kumpulan pertama terdiri seramai 16 petugas telah bertolak ke Jeddah pada 30 April lalu.

Kumpulan pertama jemaah

haji Malaysia dijadualkan berlepas pada 9 Mei ini, manakala bagi trip terakhir dijangka 9 Jun depan melibatkan sejumlah 100 penerbangan sewa khas.

Sementara itu, Syed Salleh menasihati orang ramai yang ingin menunaikan ibadah haji supaya berhati-hati dengan tarangan visa furada dengan perlu

memastikan kesahihannya bagi mengelak ditipu.

Beliau berkata demikian susulan dakwaan tular di media sosial kononnya terdapat penerbangan haji berlepas kelmarin.

Ditanya mengenai laporan banjir kilat di Madinah kelmarin, Syed Saleh berkata, situasi semasa adalah terkawal dengan keadaan paras air sudah kembali reda seperti kebiasaan.

“Pihaknya sentiasa bersedia menangani sebarang kemungkinan yang timbul.

Seperti mana namanya banjir kilat, ia berlaku secara *ad hoc* dan reda dalam masa singkat. Pengalaman kita pada 2004, 2008, 2016 dan 2018 berlaku hujan lebat, kilat, petir dan banjir.

“Kita sentiasa membuat simulasi serta berbincang dengan semua pihak, pemegang taruh di Malaysia dan Arab Saudi, juga kedutaan di sana, InshaAllah setakat ini apa yang berlaku sebelum ini, dapat kita tangani dengan baik,” katanya.

Kerajaan Arab Saudi meluluskan 31,600 kuota haji untuk jemaah Malaysia bagi musim haji tahun ini dengan kelulusan itu di-berikan berdasarkan jumlah 0.1 peratus jumlah penduduk Islam di negara ini.